

SULIT**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS : PRINSIP REKA BENTUK
INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI
DALAM TVET

KOD KURSUS : MBT13203

KOD PROGRAM : MBT

TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI / FEBUARI 2022

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN
YANG DISEDIAKAN
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
ADALAH PENTAKSIRAN
SECARA DALAM TALIAN
DAN DILAKSANAKAN
SECARA TUTUP BUKU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT**SULIT**

- S1 a) Sebagai pereka bentuk pengajaran (instructional designer), anda membuat keputusan tentang reka bentuk kursus dan penyampaian berdasarkan bukti seperti data pencapaian pelajar dalam kursus yang lepas dan karakter pelajar. Penggunaan data untuk membuat keputusan tentang reka bentuk kursus merupakan salah satu matlamat analisis pembelajaran (learning analytics). Perkembangan teknologi yang sangat pesat dalam pembelajaran dan pengajaran telah menyebabkan penggunaan analisis pembelajaran semakin meningkat. Bincangkan bagaimana analisis pembelajaran boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.
(10 markah)
- b) Pandemik Covid-19 telah mengubah persekitaran pembelajaran secara drastik. Penggunaan teknologi seperti *Learning Management System* (LMS), persidangan video dan *instant messaging platform* digunakan secara meluas semasa pandemik. Pada pendapat anda, bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan supaya semua golongan pelajar mendapat akses yang sama, sekaligus mengurangkan implikasi jurang teknologi.
(10 markah)
- S2 a) Terdapat persamaan dan perbezaan antara model ADDIE dan Rapid Prototyping. Jelaskan perbezaan utama antara kedua-dua model tersebut.
(4 markah)
- b) Model ARCS mempunyai empat fasa yang saling berkaitan untuk merangsang dan mengekalkan motivasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan bagaimana empat fasa tersebut boleh diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta berikan contoh yang sesuai.
(16 markah)
- S3 a) Teori pembelajaran ialah kerangka konseptual yang menerangkan bagaimana pengetahuan diserap, diproses dan disimpan semasa proses pembelajaran. Terangkan bagaimana seorang pengajar boleh menggunakan teori kognitif iaitu *Nine event of instruction* (Gagne) dalam pembangunan dan pengajaran sesuatu kursus menggunakan teknologi. Berikan contoh aktiviti yang sesuai untuk setiap *event* tersebut.
(20 markah)

- S4** a) Reka bentuk universal untuk pembelajaran (UDL) merupakan kerangka yang dibangunkan berdasarkan cerapan saintifik mengenai cara manusia belajar. Jelaskan bagaimana UDL boleh digunakan untuk membangunkan rancangan pengajaran dan penilaian.
(12 markah)
- b) Karakteristik pelajar (learner characteristics) adalah ciri-ciri pelajar yang boleh memberi kesan kepada keberkesanan proses pembelajaran. Memahami latar belakang pelajar adalah penting untuk mereka bentuk strategi pengajaran. Jelaskan **EMPAT (4)** perkara berkenaan karakteristik pelajar yang perlu dianalisis dan diambilkira untuk mereka bentuk strategi pengajaran.
(8 markah)
- S5** a) Teknologi pada mulanya dibangunkan untuk perniagaan telah digunakan secara meluas dalam pendidikan, contohnya, aplikasi web, pemrosesan teks (text processing), pengkomputeran awan (cloud computing), dan penerbitan grafik. Bincangkan **LIMA (5)** cabaran penggunaan teknologi dalam pendidikan (educational technology).
(10 markah)
- b) Teknologi boleh digunakan untuk memenuhi keperluan pendidikan pada hari ini. Bincangkan **LIMA (5)** teknologi yang boleh memberikan pembaharuan dan inovasi dalam bidang pendidikan.
(10 markah)

-SOALAN TAMAT-